

PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC KE-42

DEWAN BANDARAYA IPOH, IPOH, PERAK, 16 SEPTEMBER 1995

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung MIC pada hari ini. Sudah menjadi kelaziman pada tiap-tiap tahun, saya selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) dijemput untuk merasmikan Perhimpunan Agung parti-parti komponennya. Dengan cara ini kita dapat menjalin perhubungan yang bermakna antara parti-parti komponen BN.

2. Bagi saya merasmikan perhimpunan seperti ini memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sedikit pandangan saya kepada ahli-ahli Barisan Nasional di samping bertemu dengan para pemimpin dan ahli-ahli parti-parti Komponen Barisan Nasional. Saya percaya perhimpunan seperti ini akan digunakan sepenuhnya oleh ahli-ahli MIC untuk mengeratkan lagi hubungan di kalangan mereka di samping membolehkan ahli-ahli parti bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu semasa yang melibatkan kepentingan masyarakat India khususnya dan kepentingan negara amnya.

3. Pilihanraya umum yang diadakan pada bulan April yang lalu menunjukkan bahawa rakyat, terutamanya yang berketurunan India, terus menerima MIC sebagai parti yang mewakili masyarakat India di negara ini. Dalam sebuah negara yang berbilang kaum adalah penting sesuatu kaum itu mempunyai sebuah parti untuk mewakili kepentingannya. Di negara ini sejak pilihanraya mula-mula diadakan masyarakat India telah memilih MIC untuk mewakili mereka. Saya gembira masyarakat India terus memberi sokongan yang kuat kepada MIC kerana para pemimpinnya terdiri daripada mereka yang "moderate", berkeupayaan dan sentiasa mementingkan kepentingan negara.

4. Pilihanraya umum yang lepas menunjukkan bahawa MIC adalah sebuah parti yang berwibawa dan tetap berpengaruh. Walaupun calon-calon MIC bertanding di kawasan-kawasan yang mana majoriti pengundinya bukan terdiri daripada kaum India, namun pengundi keturunan India memainkan peranan penting untuk kemenangan calon MIC. Di samping itu, sokongan oleh pengundi daripada keturunan lain membuktikan penerimaan rakyat dan konsep Barisan Nasional iaitu kepercayaan bahawa semua kaum patut mempunyai perwakilan di Dewan Perundangan di peringkat negeri dan pusat. Rakyat juga sedar bahawa MIC mampu menjaga kepentingan kaum India dengan berkesan. Kesediaan kaum-kaum lain memberi undi kepada MIC juga menunjukkan bahawa pada umumnya politik perkauman sudah tidak tebal lagi. Ini adalah satu perkembangan yang amat menggalakkan kerana politik perkauman akan hanya menghalang usaha-usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju dan berjaya.

5. Selaku Pengerusi Barisan Nasional saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli MIC yang telah bekerja keras bagi menjamin kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lepas. Tanpa kerjasama erat antara ahli-ahli parti-parti komponen Barisan Nasional, adalah mustahil Barisan Nasional boleh mencapai kemenangan yang cemerlang. Sokongan kuat ahli-ahli MIC telah membolehkan calon-calon Barisan Nasional daripada parti-parti Komponen Barisan Nasional lain mencapai kemenangan terutama di kawasan-kawasan 'marginal'.

6. Pilihanraya telah pun selesai, tetapi bagi wakil-wakil rakyat yang telah dipilih, tugas mereka sebenarnya baru bermula. Adalah menjadi tanggungjawab wakil-wakil rakyat Barisan Nasional untuk menunaikan janji-janji yang telah dibuat semasa kempen pilihanraya. Ini bagi menentukan rakyat terus menaruh kepercayaan kepada Barisan Nasional. Sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab kepada rakyat, Barisan Nasional mahukan semua wakil rakyat sentiasa bersedia untuk berkhidmat dan berbakti kepada semua rakyat tanpa mengira kaum. Di samping itu, ahli-ahli Barisan Nasional juga tidak harus berpeluk tubuh kerana pilihanraya telah selesai. Mereka patut terus berusaha untuk memperjuangkan nasib rakyat supaya sokongan mereka akan berterusan.

7. Masyarakat India di negara ini kini menaruh kepercayaan yang kuat kepada MIC. Mereka mempunyai harapan yang tinggi terhadap kemampuan MIC untuk menjaga kepentingan masyarakat India di samping memberi kepimpinan yang berkesan dan berwibawa kepada masyarakat India di negara ini. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Presiden MIC, Yang Berhormat Datuk Samy Vellu dan pemimpin-pemimpin MIC yang lain yang telah bekerja keras bersama-sama pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk membangun dan memajukan negara. Tanpa sokongan dan kerjasama para pemimpin MIC dan ahli-ahli MIC, sudah tentu negara tidak akan maju seperti di hari ini. Peranan yang telah dimainkan oleh MIC dan masyarakat India telah menyumbang kepada kestabilan politik negara.

8. Dengan kepimpinan yang penuh komited untuk memajukan masyarakat India, saya percaya MIC akan terus mendapat sokongan masyarakat India. Saya yakin sebarang masalah yang dihadapi oleh masyarakat India boleh diatasi melalui meja rundingan. Bahkan prinsip kerjasama dan cara mengatasi masalah melalui perundingan inilah yang telah membawa kejayaan kepada BN. Parti BN adalah parti demokratik yang berpegang teguh kepada prinsip 'musyawarah' dan 'consensus'. Tidak ada paksaan dalam BN. Justeru itu dasar-dasar BN adalah dasar yang telah direstui oleh semua kaum dan parti.

9. Kita baru sahaja menyambut Hari Kemerdekaan negara yang ke 38. Dalam tempoh yang singkat ini kita telah mencapai pembangunan dan kemajuan yang amat pesat sekali. Yang menggembirakan kita ialah semua kaum telah dapat sama-sama menikmati faedah daripada pembangunan dan kemajuan ini. Tidak ada mana-mana kaum yang boleh mendakwa bahawa mereka diketepikan dalam proses pembangunan negara.

10. Di sesetengah negara yang berbilang kaum, pembangunan negara hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu sahaja. Tidak ada pengagihan kekayaan yang adil kepada rakyat dan biasanya kaum minoriti menderita. Ini tidak berlaku di negara kita kerana kepimpinan parti BN bersikap adil, sederhana dan tidak tamak dalam membahagi-bahagikan kekayaan negara.

11. Di Malaysia kita tidak mengamal cara Robin Hood, merampas daripada satu pihak untuk diberikan kepada pihak lain. Cara ini bukan sahaja tidak akan menambah jumlah kekayaan negara tetapi akan menimbulkan ketegangan dalam masyarakat. Di Malaysia kita bahagi-bahagikan kekayaan daripada kekayaan yang ditambah melalui proses pembangunan ekonomi. Cara ini lebih selamat dan tidak menyebabkan ketidakstabilan negara yang boleh menjejaskan ekonomi dan kemerosotan ke ekonomi kita.

12. Sudah tentulah ada pihak yang lebih bernasib baik. Ini kerana tidak semua manusia mempunyai kebolehan, keupayaan dan kelayakan yang sama untuk mencari kekayaan. Yang lebih berupaya dan bersedia bekerja lebih kuat sudah tentulah memperolehi lebih. Tetapi pada keseluruhannya kaum-kaum memperolehi peluang yang sama untuk merebut kekayaan negara dan turut sama-sama menikmati faedah daripada "expanding economic cake" tersebut.

13. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan berbagai-bagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan DEB, Pensewastaan dan Konsep Persyarikatan Malaysia. Dasar-dasar yang telah dilaksanakan jelas mencerminkan sikap terbuka dan pragmatik Kerajaan. Bahkan dengan berlandaskan kepada "equity" dan "social justice", kesan dasar-dasar Kerajaan telah memanfaatkan semua kaum. Dengan pengurusan pentadbiran yang cekap, komited dan bertanggungjawab, Malaysia kini dikagumi oleh seluruh dunia, termasuk negara-negara berbilang kaum yang menghadapi masalah perkauman. Dalam hal ini, Malaysia telah menjadi model untuk dipelajari daripada segi sistem politiknya, dasar-dasar ekonomi dan sosialnya. Prinsip "social justice" bukanlah semata-mata satu "rhetoric" sahaja di negara kita malah ianya telah diterjemahkan kepada program-program yang berjaya meningkatkan mutu hidup rakyat. Tiap-tiap kaum mempunyai "share"nya yang semakin berkembang. Dan semua ini adalah kerana rakyat negara ini sama-sama berasa bertanggungjawab dan

komited untuk menjayakan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, maju dan makmur.

14. Dengan pertumbuhan ekonomi lebih daripada lapan peratus bagi tujuh tahun berturut-turut, kita boleh berasa bangga dengan pencapaian kita. Walau bagaimanapun, tanpa kerjasama semua kaum, serta mandat kepada Barisan Nasional untuk terus menerajui negara, negara mungkin tidak akan bergerak semaju dan stabil seperti sekarang.

15. Satu perkara penting yang telah dirasai akibat Dasar Ekonomi Baru dan juga DPN ialah pengurangan kemiskinan di negara ini. Pada keseluruhannya insiden kemiskinan telah berkurangan setiap tahun. Pada tahun 1993, insiden kemiskinan telah menurun kepada 13.5 peratus berbanding dengan 42.4 peratus pada tahun 1976. Bagi masyarakat kaum India khususnya insiden kemiskinan berkurangan daripada 28.5 peratus pada tahun 1976 kepada 4.7 peratus pada tahun 1993. Jelas sekali pada keseluruhannya masyarakat India telah berjaya memperbaiki taraf hidup mereka dan juga meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

16. Dalam hal ini, peningkatan mutu hidup rakyat amnya adalah kerana pelaksanaan berbagai-bagai program melawan kemiskinan yang berasaskan pendekatan yang lebih "holistic" dan "multidisciplinary" yang menekankan kepada faktor peningkatan produktiviti dan juga pendapatan. Di samping itu juga berbagai-bagai agensi Kerajaan memberi bantuan kepada mereka yang betul-betul hilang upaya.

17. Peluang ekonomi yang wujud di negara ini adalah terbuka luas kepada rakyatnya tanpa mengira kaum. Justeru itu, adalah menjadi harapan Kerajaan supaya setiap rakyat berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk merebut peluang-peluang yang terbuka ini. Jika kita lihat di sekeliling kita individu ataupun korporat yang berjaya adalah mereka yang berusaha dengan kuat, berdisiplin, sanggup menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dan sanggup mengenyahkan sikap mahu kaya dengan cepat. Mereka ini tidak banyak mengharapkan bantuan daripada Kerajaan. Sekiranya kita sanggup menghadapi risiko dan bersikap berani tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya. Kerajaan menyediakan berbagai-bagai peluang melalui pelbagai program dan terpulanglah kepada rakyat negara ini untuk mencari peluang-peluang ataupun "niche" yang sesuai untuk diterokai. Malaysia adalah bebas dan mempunyai ruang yang luas untuk mencari rezeki. Yang penting ialah kesanggupan seseorang itu bekerja keras dan berani menghadapi cabaran dan dugaan untuk merebut peluang-peluang ekonomi yang sedia ada.

18. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke-42.